



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 2007**

---

**PENJELASAN MENGENAI PERKARA PERKHIDMATAN  
DALAM MELAKSANAKAN PEMBERIAN  
KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan perkara-perkara perkhidmatan dalam melaksanakan pemberian kemudahan Cuti Menjaga Anak di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007.

## **LATAR BELAKANG**

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007 telah memperuntukkan kemudahan Cuti Menjaga Anak sebanyak 1,825 hari (5 tahun) sepanjang tempoh perkhidmatan bagi membolehkan pegawai wanita Perkhidmatan Awam Persekutuan menjaga anak.

## **PELAKSANAAN**

3. Bagi memastikan pemberian kemudahan Cuti Menjaga Anak dilaksanakan dengan teratur, beberapa perkara perkhidmatan adalah dijelaskan seperti berikut:

- i. kemudahan cuti ini tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian (bagi pegawai yang berkhidmat di peringkat Kementerian) atau Ketua Jabatan (bagi pegawai yang berkhidmat di peringkat jabatan atau negeri). Dalam hal ini, Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan hendaklah memberi pertimbangan sewajarnya setelah mengambil kira keperluan perkhidmatan supaya penyampaian perkhidmatan tidak terjejas khususnya dalam perkhidmatan kritikal. Perancangan pengisian bagi melaksanakan tugas jawatan yang dikosongkan dan pemantauan kelulusan kemudahan tersebut hendaklah dibuat;
- ii. sekiranya wujud keperluan mendesak untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai yang sedang bercuti, Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan boleh pada bila-bila masa mengarahkan pegawai untuk kembali melaporkan diri bertugas dan pegawai dikehendaki mematuhiinya;

- iii. dalam tempoh Cuti Menjaga Anak, pegawai **masih merupakan pegawai awam yang tertakluk kepada semua peraturan yang berkuat kuasa** termasuk peraturan tatatertib yang antara lain **melarang pegawai melakukan pekerjaan luar**. Tempoh cuti ini hendaklah digunakan sepenuhnya untuk menjaga anak dan **tidak disalahgunakan untuk tujuan lain** seperti melakukan pekerjaan yang dibayar upah. Sekiranya pegawai didapati melanggar mana-mana peraturan, pegawai akan dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;
- iv. bagi pegawai dalam tempoh percubaan dan telah diluluskan kemudahan Cuti Menjaga Anak, tempoh percubaannya dibekukan dan akan disambung semula mulai tarikh pegawai melapor diri bertugas. Walau bagaimanapun, pegawai boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus induksi atau peperiksaan Jabatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan dengan perbelanjaan ditanggung sendiri oleh pegawai. Pegawai yang telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan sebelum diluluskan kemudahan Cuti Menjaga Anak boleh disahkan pada tarikh sehari selepas pegawai memenuhi syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Bagi pegawai yang memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan semasa bercuti, tarikh pengesahan boleh ditetapkan mulai tarikh pegawai melapor diri bertugas;
- v. pegawai boleh dipertimbangkan untuk menduduki peperiksaan atau kursus Penilaian Tahap Kecekapan semasa bercuti dengan perbelanjaan ditanggung sendiri oleh pegawai;

- vi. pelarasan gaji bagi pegawai yang diluluskan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang melibatkan pergerakan gaji selepas pegawai melaporkan diri untuk bertugas adalah seperti contoh di **Lampiran A, B, C, D dan E**;
- vii. tempoh Cuti Menjaga Anak merupakan tempoh perkhidmatan yang tidak diambil kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan atau pengiraan kelayakan kemudahan yang lain;
- viii. pegawai akan hilang kekananan bagi tempoh Cuti Menjaga Anak;
- ix. tempoh Cuti Menjaga Anak tidak boleh diambil kira sebagai tempoh notis peletakan jawatan;
- x. dalam tempoh Cuti Menjaga Anak, pegawai boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat jika memenuhi syarat yang telah ditetapkan;
- xi. pegawai dikehendaki melapor diri bertugas sebaik sahaja tamat tempoh Cuti Menjaga Anak; dan
- xii. kelulusan kemudahan Cuti Menjaga Anak hendaklah direkodkan dalam Rekod Perkhidmatan pegawai.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

- 4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **3 September 2007**.

## **PEMAKAIAN**

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ISMAIL ADAM)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

25 September 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## LAMPIRAN A

### **CONTOH PELARASAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENGGUNAKAN KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK YANG MELIBATKAN TIGA KALI PERGERAKAN GAJI SECARA ISYARAT (PEGAWAI LAPOR DIRI SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI)**

Tarikh pegawai mula Cuti Menjaga Anak : 1 April 2008

Tarikh pegawai lapor diri bertugas semula : 16 Januari 2012

Tarikh Pergerakan Gaji pegawai : 1 Julai

Gred gaji pegawai : U19

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1 April 2008	1,342.24 (P1T11)	Mula Cuti Menjaga Anak.
1 Julai 2008	1,393.67 (P1T12)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pegawai diberi Pergerakan Gaji Biasa. Gaji tidak dibayar kerana pegawai sedang Cuti Menjaga Anak.
1 Julai 2009	1,445.10 (P1T13) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali pertama</b> kerana Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2008 (cuti tanpa gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).
1 Julai 2010	1,511.65 (P1T14) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali kedua</b> kerana Cuti Menjaga Anak.
1 Julai 2011	1,578.20 (P1T15) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali ketiga</b> kerana Cuti Menjaga Anak.

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
16 Januari 2012	1,578.20 (P1T15)	Tarikh pegawai melapor diri untuk bertugas. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM 1,578.20 (P1T15).</b>
1 Julai 2012	1,578.20 (P1T15)	Tarikh Pergerakan Gaji. Tidak layak Pergerakan Gaji kerana Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2011 (cuti tanpa gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).
1 Julai 2013	1,644.75 (P1T16)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM1,644.75 (P1T16).</b>

## LAMPIRAN B

### **CONTOH PELARASAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENGGUNAKAN KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK YANG MELIBATKAN TIGA KALI PERGERAKAN GAJI SECARA ISYARAT (PEGAWAI LAPOR DIRI SELEPAS TARIKH PERGERAKAN GAJI)**

Tarikh pegawai mula Cuti Menjaga Anak : 1 April 2008

Tarikh pegawai lapor diri bertugas semula : 2 Mac 2011

Tarikh Pergerakan Gaji pegawai : 1 Julai

Gred gaji pegawai : N17

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1 April 2008	1,069.93 (P1T6)	Mula Cuti Menjaga Anak.
1 Julai 2008	1,119.84 (P1T7)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pegawai diberi Pergerakan Gaji Biasa tetapi tidak dibayar kerana sedang Cuti Menjaga Anak.
1 Julai 2009	1,169.75 (P1T8) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali pertama</b> kerana Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2008 (cuti tanpa gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).
1 Julai 2010	1,219.66 (P1T9) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali kedua</b> kerana Cuti Menjaga Anak.
2 Mac 2011	1,219.66 (P1T9)	Tarikh pegawai melapor diri untuk bertugas. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM1,219.66 (P1T9).</b>

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1 Julai 2011	1,269.57 (P1T10) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa secara <b>isyarat kali ketiga</b> kerana Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2010 (cuti tanpa gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991). <b>Gaji pegawai masih dibayar sebanyak RM1,219.66 (P1T9).</b>
1 Julai 2012	1,319.48 (P1T11)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM 1,319.48 (P1T11).</b>

## LAMPIRAN C

### **CONTOH PELARASAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENGGUNAKAN KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK YANG MELIBATKAN TIGA KALI PERGERAKAN GAJI SECARA ISYARAT (PEGAWAI LAPOR DIRI PADA TARikh PERGERAKAN GAJI)**

Tarikh pegawai mula Cuti Menjaga Anak : 1 April 2008

Tarikh pegawai lapor diri bertugas semula : 1 Julai 2011

Tarikh Pergerakan Gaji pegawai : 1 Julai

Gred gaji pegawai : N17

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1 April 2008	1,069.93 (P1T6)	Mula Cuti Menjaga Anak.
1 Julai 2008	1,119.84 (P1T7)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pegawai diberi Pergerakan Gaji Biasa tetapi tidak dibayar kerana sedang Cuti Menjaga Anak.
1 Julai 2009	1,169.75 (P1T8) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali pertama</b> kerana Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2008 (cuti tanpa gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).
1 Julai 2010	1,219.66 (P1T9) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali kedua</b> kerana Cuti Menjaga Anak.

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1 Julai 2011	1,269.57 (P1T10) (secara isyarat)	<p>Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali ketiga</b> kerana Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2010 (cuti tanpa gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).</p> <p>Tarikh pegawai melapor diri untuk bertugas. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM1,269.57 (P1T10).</b></p>
1 Julai 2012	1,319.48 (P1T11)	<p>Tarikh Pergerakan Gaji. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM 1,319.48 (P1T11).</b></p>

## LAMPIRAN D

### **CONTOH PELARASAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENGGUNAKAN DUA KALI KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK**

Tarikh pegawai mula Cuti Menjaga Anak kali pertama : 1 April 2008

Tarikh pegawai lapor diri bertugas semula : 2 Mac 2011

Tarikh pegawai mula Cuti Menjaga Anak kali kedua : 1 November 2012

Tarikh pegawai lapor diri bertugas semula : 1 Oktober 2014

Tarikh Pergerakan Gaji pegawai : 1 Julai

Gred gaji pegawai : N17

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1 April 2008	1,069.93 (P1T6)	Mula Cuti Menjaga Anak.
1 Julai 2008	1,119.84 (P1T7)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pegawai diberi Pergerakan Gaji Biasa tetapi tidak dibayar kerana sedang Cuti Menjaga Anak.
1 Julai 2009	1,169.75 (P1T8) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali pertama</b> kerana Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2008 (cuti tanpa gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).
1 Julai 2010	1,219.66 (P1T9) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali kedua</b> kerana Cuti Menjaga Anak.
2 Mac 2011	1,219.66 (P1T9)	Tarikh pegawai melapor diri untuk bertugas. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM1,219.66 (P1T9)</b> .

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1 Julai 2011	1,269.57 (P1T10) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa secara isyarat kali ketiga. Pegawai masih dibayar gaji sebanyak <b>RM1,219.66 (P1T9)</b> kerana pegawai telah Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2010 (cuti tanpa gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).
1 Julai 2012	1,319.48 (P1T11)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji biasa. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM 1,319.48 (P1T11)</b> .
1 November 2012	1,319.48 (P1T11)	<b>Mula Cuti Menjaga Anak kali kedua.</b>
1 Julai 2013	1,369.39 (P1T12)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa tetapi pegawai tidak dibayar gaji kerana sedang Cuti Menjaga Anak.
1 Julai 2014	1,369.39 (P1T12)	Tarikh Pergerakan Gaji. Tidak layak pergerakan gaji secara isyarat kerana pegawai telah menggunakan kelayakan pergerakan gaji secara isyarat sebanyak 3 kali.
1 Oktober 2014	1,369.39 (P1T12)	Pegawai melapor diri untuk bertugas. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM 1,369.39 (P1T12)</b> .
1 Julai 2015	1,419.30 (P1T13)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa.

## LAMPIRAN E

### **CONTOH PELARASAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENGGUNAKAN KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK DAN MENDAPAT DUA KALI PERGERAKAN GAJI SECARA ISYARAT**

Tarikh pegawai mula Cuti Menjaga Anak : 1 Januari 2008

Tarikh pegawai lapor diri bertugas semula : 1 Julai 2010

Tarikh Pergerakan Gaji pegawai : 1 April

Gred gaji pegawai : U19

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1 Januari 2008	1,290.81 (P1T10)	Mula Cuti Menjaga Anak.
1 April 2008	1,342.24 (P1T11)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pegawai diberi Pergerakan Gaji Biasa tetapi tidak dibayar kerana sedang Cuti Menjaga Anak.
1 April 2009	1,393.67 (P1T12) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali pertama</b> kerana Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2008 (cuti tanpa gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).
1 April 2010	1,532.80 (P2T13) (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pegawai mendapat <b>Anjakan Gaji</b> . Pergerakan Gaji <b>secara isyarat kali kedua</b> kerana Cuti Menjaga Anak.
1 Julai 2010	1,532.80 (P2T13)	Tarikh pegawai melapor diri untuk bertugas. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM1,532.80 (P2T13)</b> .

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1 April 2011	1,602.38 (P2T14)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM1,602.38 (P2T14).</b>